



**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

DOKUMEN SEBUT HARGA

TAJUK SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA UNTUK PELANTIKAN PANEL BAGI KERJA MEMBEKAL ALAT
GANTI KENDERAAN DAN JENTERA TERMASUK KERJA BERKAITAN UNTUK
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

NO. SEBUT HARGA :

MPLBP/SBT/20/2024

PERHATIAN

Penyebut Harga dikehendaki membaca dan memahami terlebih dahulu setiap butiran-butiran yang terdapat di dalam dokumen sebut harga ini sebelum mengisikannya dengan lengkap. Sebarang kesilapan atau salah tafsiran mengenai mana-mana bahagian dalam dokumen ini boleh menyebabkan tanggungan tambahan kepada Penyebut Harga manakala sebarang kegagalan dalam menepati sesuatu keperluan spesifikasi boleh menyebabkan sesuatu tawaran itu ditolak.

SENARAI SEMAKAN

TAJUK SEBUT HARGA : SEBUT HARGA UNTUK PELANTIKAN SYARIKAT PANEL BAGI KERJA MEMBEKAL ALAT GANTI KENDERAAN DAN JENTERA TERMASUK KERJA BERKAITAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN.

NO. SEBUT HARGA : MPLBP/SBT/20/2024

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	Untuk Ditanda Oleh :	
		Syarikat	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	*Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)		
2	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan) (Jika Ada/Berkaitan)		
3	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan) (Jika Ada/Berkaitan)		
4	*Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
5	*Syarat-Syarat Tambahan - LAMPIRAN D		
6	*Jadual Kadar Harga Telah Diisi Dan Ditandatangani - LAMPIRAN E		
7	*Ringkasan Sebut Harga Telah Diisi Dan Ditandatangani - LAMPIRAN F		
8	*Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap dan Ditandatangani - LAMPIRAN Q		
9	*Borang Maklumat Penyebut Harga - LAMPIRAN G		
10	Pematuhan Kepada Spesifikasi		
11	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (Jika Berkaitan)		
12	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (Jika Perlu)		
13	Senarai Kakitangan Teknikal (Jika Berkaitan)		
14	*Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Syarikat bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Dis. 2023, Jan. 2024 & Feb. 2024)		
15	Salinan Sijil Pendaftaran Cukai Jualan & Perkhidmatan (CJCP/SST) (Jika Berkaitan)		
16	* Surat Akuan Pembida - LAMPIRAN H		
17	* Surat Perwakilan Kuasa - LAMPIRAN I		
18	Lain-lain sekiranya ada		

* Wajib disertakan dan diisikan lengkap

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma-terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat-maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.(jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Sebut Harga ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk melantik mana-mana syarikat yang berkelayakan sebagai Panel bagi Kerja Membekal Alat Ganti Kenderaan Dan Jentera Termasuk Kerja Berkaitan Untuk Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
2. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat pembekal yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam kod bidang bekalan/perkhidmatan yang berkaitan yang masih sah laku untuk membuat tawaran sebut harga seperti berikut :
 - a) Tajuk Sebut Harga : **SEBUT HARGA UNTUK PELANTIKAN PANEL BAGI KERJA MEMBEKAL ALAT GANTI KENDERAAN DAN JENTERA TERMASUK KERJA BERKAITAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**
 - b) No. Sebut Harga : **MPLBP/SBT/20/2024**
 - c) Kod Bidang : **110301 – ALAT GANTI/AKSESORI KENDERAAN; atau 110302 – ALAT GANTI/AKSESORI JENTERA BERAT; atau 110303 – ENJIN KENDERAAN/JENTERA BERAT**
 - d) Taraf Pembekal : **TARAF BUMIPUTERA ATAU BUKAN BUMIPUTERA**
 - e) Tarikh Pelawaan dan Tarikh Tutup Sebut Harga : **SEPERTI DI KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**
 - f) Masa Tutup : **15 APRIL 2024 JAM 12.00 TENGAH HARI**
3. Dokumen Sebut Harga ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.
4. Semua urusan dalam sebut harga ini adalah dalam matawang Ringgit Malaysia (RM) sahaja.
5. Penyebut harga hendaklah mengemukakan tawaran satu kadar harga dengan dengan mengambilkira tempoh kontrak kerana kadar harga dalam sebut harga ini adalah **TETAP** semasa dalam tempoh pelantikan/kontrak.
6. Penyebut Harga hendaklah mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan Penyebut Harga mematuhi mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan Penyebut Harga ditolak.
7. Penyebut Harga mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memiliki pengalaman-pengalaman dalam bidang berkaitan untuk menyertai Sebut Harga ini.
8. Semua tulisan, perkataan dan tanda-tanda hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja.
9. Setiap lampiran yang dikemukakan oleh Penyebut Harga hendaklah diletakkan pembahagi (*Index Divider*) dan dilabelkan bagi memudahkan pengesanan dan semakan dokumen untuk penilaian oleh pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.
10. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhak mengadakan rundingan dengan syarikat berhubung dengan bayaran, syarat dan terma lain.
11. **KAEDAH MENGEMUKAKAN SEBUT HARGA**
 - 11.1. Sebelum mengemukakan sebut harga, Penyebut Harga hendaklah mengkaji dan memahami dengan jelas semua syarat-syarat Sebut Harga, syarat-syarat kontrak, skop kerja, spesifikasi dan sebagainya agar menepati kehendak sebut harga ini.
 - 11.2. Penyebut Harga tidak dibenarkan meletakkan atau mengenakan syarat tambahan melainkan yang telah ditetapkan dalam dokumen Sebut Harga. Sebut Harga ini dianggap **BATAL** jika Penyebut Harga mengenakan syarat tambahan atau mengenakan syarat-syarat lain.

- 11.3. Setiap Penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran Sebut Harga sahaja untuk sebut harga ini. Pertimbangan tidak akan diberikan kepada mana-mana Penyebut Harga yang mengemukakan lebih dari satu (1) tawaran atau tawaran dalam berbentuk pilihan (optional) dan kesemua Sebut Harga tersebut akan dianggap BATAL dan tidak akan dipertimbangkan.

12. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU

- 12.1. Harga yang ditawarkan hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Tiada kos tambahan boleh dituntut sekiranya matawang Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan ataupun disebabkan oleh inflasi ataupun kadar faedah yang disebabkan oleh kelewatan proses pembayaran tuntutan kerja.
- 12.2. Harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku Sebut Harga. Penyebut Harga yang berjaya hendaklah mematuhi syarat-syarat kontrak selama tempoh kontrak berkuat kuasa dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.
- 12.3. Tempoh Sah Laku Sebut Harga adalah sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut Harga ditutup dan dalam tempoh tersebut Penyebut Harga tidak boleh menarik diri dari Sebut Harga ini. Sekiranya Penyebut Harga menarik diri di dalam Tempoh Sah Laku Sebut Harga ini atau sebarang tempoh yang dilanjutkan atau enggan menerima sesuatu Sebut Harga setelah ditawarkan kepadanya, tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadapnya atau pendaftaran Penyebut Harga sebagai kontraktor akan dibatalkan atau sebarang tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

13. KOS PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua kos perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini adalah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

14. PINDAAN DAN PEMBATALAN

- 14.1. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhak meminda atau membatalkan mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada pelawaan Sebut Harga ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu untuk menguatkuasakan perubahan dalam polisi atau membetulkan mana-mana yang silap, tertinggal, tidak jelas atau tidak selaras yang mungkin timbul selepas pelawaan Sebut Harga ini dikeluarkan.
- 14.2. Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat dalam Dokumen Sebut Harga ini hendaklah ditandatangani ringkas oleh penama yang menandatangani Dokumen Sebut Harga ini. Tandatangani ringkas hendaklah setentang dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah untuk dibaca. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhak menolak Sebut Harga yang didapati membuat pindaan tetapi tidak ditandatangani ringkas.
- 14.3. Tiada apa-apa perubahan, tambahan atau nota yang tidak dibenarkan, boleh dibuat kepada Dokumen Sebut Harga atau mana-mana bahagian dalam Dokumen Sebut Harga.
- 14.4. Semua pindaan ke atas Dokumen Sebut Harga selepas dari tarikh tutup Sebut Harga akan ditolak oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

15. LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah sebagaimana dinyatakan di dalam iklan Sebut Harga. Jika dinyatakan lawatan tapak adalah wajib, Penyebut Harga adalah **diwajibkan** untuk menghadiri lawatan tapak tersebut pada masa dan tempat yang telah ditetapkan. Kegagalan Penyebut Harga untuk menghadiri lawatan tapak akan menyebabkan Penyebut Harga gagal untuk memasuki Sebut Harga tersebut. Jika **TIDAK DINYATAKAN** lawatan tapak di dalam iklan Sebut Harga, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak kerja/projek sebelum mengemukakan Sebut Harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan sebenar di tapak kerja. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah kerja atau menghargakan Sebut Harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak kerja tidak akan dilayan.

16. PERINGATAN KESALAHAN RASUAH

- 16.1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah adalah menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah **AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)**;
- 16.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694);
- 16.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694); dan
- 16.4. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun perolehan ini tiada kerja dibuat atau tiada sebarang di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

17. BON PELAKSANAAN

- 17.1. Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki memberikan deposit cagaran dalam bentuk jaminan bank. Jaminan bank tersebut hendaklah daripada bank yang berdaftar dan beroperasi di Malaysia. Nilai bon pelaksanaan adalah seperti berikut:
 - i) Dua setengah peratus (2.5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00; atau
 - ii) Lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
- 17.2. Sah laku jaminan bank tersebut hendaklah kekal sekurang-kurangnya sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh Akhir Penerimaan (Final Acceptance).
- 17.3. Bon Pelaksanaan akan dikembalikan kepada Penyebut Harga selepas semua syarat-syarat dan terma-terma telah dipenuhi.
- 17.4. Selain daripada remedi-remedi lain yang sedia terkandung di dalam kontrak ini, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan juga sentiasa berhak memotong kesemua atau apa-apa jumlah wang yang terkumpul di dalam Bon Pelaksanaan tersebut sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran syarat.

18. MAKLUMAT SYARIKAT

Penyebut Harga dikehendaki mengemukakan maklumat lengkap mengenai syarikat masing-masing seperti yang diminta dalam dokumen sebut harga ini. Sekiranya syarikat ini hanya merupakan agen tempatan yang menyertai bagi pihak prinsipalnya, butir-butir maklumat yang sama mengenai syarikat prinsipal juga diperlukan.

19. SURAT AKUAN PEMBIDA

Penyebut Harga diwajibkan melengkapkan Surat Akuan Pembida seperti di lampiran dan hendaklah disertakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

20. PENERIMAAN TAWARAN

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan juga mempunyai hak untuk memecah bahagi Sebut Harga ini dimana yang dianggapnya patut dan munasabah. **Sebut Harga yang tidak lengkap dan tidak bertandatangan akan ditolak.**

21. MENARIK BALIK TAWARAN/ MENOLAK SEBUT HARGA

Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tawaran dibuat. Jika Penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa berkaitan untuk tindakan penggantungan pendaftaran seperti berikut:-

- i) Dua (2) tahun bagi kesalahan kali pertama
- ii) Pendaftaran akan dibatalkan terus bagi kesalahan berikutnya.

22. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 22.1. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tidak terikat memersetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. Keputusan sebut harga adalah muktamad. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berkenaan sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.
- 22.2. Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan jika perlu dan terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.
- 22.3. Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan juapun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.
- 22.4. Dokumen sebut harga akan menjadi sebahagian daripada kontrak dan tiada pindaan akan dibuat pada mana-mana bahagian di dalam dokumen sebut harga ini melainkan mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa.


23. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 23.1. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri/bermeteri dan Tajuk serta No. Sebut Harga** hendaklah dicatatkan **di sebelah kiri** bahagian atas sampul surat tersebut dan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan **selewat-lewatnya pada atau sebelum 15 APRIL 2024 Jam 12.00 tengah hari** di alamat seperti berikut :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN,
07000 KUAH, LANGKAWI,
KEDAH DARUL AMAN.**

- 23.2. Penyerahan Dokumen Sebut Harga yang dihantar tangan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan bertanda dengan nombor Sebut Harga, tarikh dan masa Sebut Harga ditutup.
- 23.3. Penyerahan Dokumen Sebut Harga hendaklah sampai ke pejabat ini seperti alamat di atas tidak lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan. **SEBUT HARGA YANG DITERIMA SELEPAS TARIKH DAN MASA TUTUP SEBUT HARGA AKAN DITOLAK.**

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)



Bila menjawab, sila nyatakan no. ini.

NO. SEBUT HARGA

MPLBP/SBT/20/2024

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI KEDAH

BORANG SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat) :

No. Telefon : No. Faks

No. Pendaftaran dengan
Kementerian Kewangan Malaysia :

Kod Bidang Pendaftaran yang
relevan dengan perolehan ini :

Pelawaan Sebut Harga/Tender dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan :

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
07000 Kuah, Langkawi,
Kedah Darul Aman.

No. Telefon : **04 – 966 6590** , Faks : **04-967 1773**

Tarikh : 28 Mac 2024

1.0 Sila beri Sebut Harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

- 1.1.** Syarat penyerahan/penyempurnaan **seperti dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.2.** Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Sebut Harga yang berkenaan.
- 1.3.** Sebut Harga hendaklah sampai ke pejabat ini dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang berkenaan seperti di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari hb 15 April 2024
- 1.4.** Tempoh Sah Laku Sebut Harga adalah **90** hari selepas tarikh tutup Sebut Harga.

Tandatangan :
Nama Pegawai :
Jawatan :

Tarikh : 28 Mac 2024

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/Kekerapan	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan			Untuk diisi oleh Penyebut Harga		
1	SEBUT HARGA UNTUK PELANTIKAN PANEL BAGI KERJA MEMBEKAL ALAT GANTI KENDERAAN DAN JENTERA TERMASUK KERJA BERKAITAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN	-	-	-	
*Sila sertakan satu salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia.		JUMLAH KESELURUHAN (RM)			

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan,

Saya/Kami dengan ini bersetuju menawarkan Sebut Harga ini untuk dilantik sebagai Panel bagi Kerja-Kerja Membekal Alat Ganti Kenderaan Dan Jentera Termasuk Kerja Berkaitan Untuk Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tertakluk kepada harga-harga, syarat-syarat, terma-terma dan perkara-perkara yang dinyatakan di atas, di belakang ini, di dalam lampiran-lampiran Sebut Harga ini dan di dalam Dokumen Sebut Harga ini.

Tarikh :

(Tandatangan Penyebut Harga)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat Syarikat :

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

- 1. KEADAAN BARANG**
Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.
- 2. HARGA**
Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.
- 3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**
Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.
- 4. BARANG SETARA**
Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.
- 5. PERSETUJUAN**
 - i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
 - ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.
- 6. PEMERIKSAAN**
 - i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
 - ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- 7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**
Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.
- 8. PENOLAKAN**
 - i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
 - ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
 - iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.
- 9. PENGIKLANAN**
Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.
- 10. TAFSIRAN**
Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.
- 11. INSURANS**
Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

- 12. CUKAI**
Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.
- 13. PEMBUNGKUSAN**
 - i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
 - ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.
- 14. PENGENALAN**
Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

- 15. CUKAI**
Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.
- 16. MATA WANG**
Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 17. PUNCA BEKALAN**
Jika barang-barang tidak dibeli terus daripada pembuat sebut harga hendaklah menyatakan nama dan alamat peniaga yang melaluinya barang-barang itu akan dibeli.
- 18. PEMBUNGKUSAN**
 - i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
 - ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
 - iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

SEBUT HARGA UNTUK PELANTIKAN PANEL BAGI KERJA MEMBEKAL ALAT GANTI KENDERAAN DAN JENTERA TERMASUK KERJA BERKAITAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

<p><u>BUTIRAN / KETERANGAN</u></p>	<p><u>PEMATUHAN</u></p> <p>Penyebut Harga mestilah menyatakan sama ada tawaran Sebut Harga memenuhi syarat-syarat tambahan dengan menyatakan "YA" atau "TIDAK".</p> <p>Jika jawapannya "TIDAK", komen/ulasan/sebab-sebab hendaklah dinyatakan.</p>
<p>1.0 Syarikat mempunyai simpanan stok (<i>ready stock</i>) atau berkeupayaan menyediakan pelbagai jenis alat ganti kenderaan dan jentera di kedai/bengkel mengikut pesanan yang di buat dalam tempoh 3 - 7 hari dari tarikh pesanan atau suatu tempoh yang tertakluk kepada persetujuan Majlis.</p> <p>2.0 SKOP KERJA</p> <p>Kerja-kerja yang terlibat adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none">i) Kerja-kerja membekal alat ganti kenderaan, jentera berat dan lain-lain alat ganti termasuk kerja berkaitan dengannya.ii) Lain-lain kerja yang diarahkan oleh Yang Dipertua atau wakilnya dari masa ke semasa. <p>3.0 JAMINAN / WARANTI</p> <p>Tempoh jaminan alat ganti ialah tiga bulan atau mengikut seperti tempoh jaminan yang diberikan oleh pengeluar alat ganti bermula dari tarikh siap kerja bekal alat ganti.</p>	

4.0 TEMPOH SIAP KERJA

Tempoh siap kerja untuk semua jenis kerja adalah satu bulan bermula dari tarikh arahan kerja atau mengikut tempoh yang dinyatakan di Pesanan Kerajaan.

5.0 PEMBAYARAN

- a) Tuntutan bayaran bagi kerja yang telah dilaksanakan hendaklah mengikut seperti harga di dalam Jadual Kadar Harga.
- b) Tuntutan bayaran bagi kerja yang telah dilaksanakan hanya akan diproses setelah dokumen yang diperlukan telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :
 - a) Invois
 - b) Pesanan Kerajaan (LO)
 - c) Lain-lain dokumen berkaitan yang diperlukan oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dari masa ke semasa
- c) Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tidak akan membuat sebarang bayaran jika didapati item/alat ganti yang dibekalkan adalah tidak mengikut tempoh siap kerja, tidak menepati spesifikasi, tidak berfungsi dengan sempurna, tidak boleh digunakan, tidak selamat untuk digunakan, tidak dilaksanakan, tidak berkualiti, tidak memuaskan, tidak lengkap, cacat dan rosak.

6.0 HARGA DAN JADUAL KADAR HARGA

- a) Semua harga yang ditawarkan di dalam Jadual Kadar Harga dan Sebut Harga ini adalah **TETAP** semasa dalam tempoh pelantikan/kontrak.
- b) Bagi item/alat ganti/kerja yang tidak terkandung di dalam Jadual Kadar Harga, Syarikat Panel hendaklah membuat tuntutan bayaran mengikut kadar harga pasaran yang munasabah dan berpatutan atau menyediakan dan mengemukakan sebut harga (quotation) kepada Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

c) Jika ada butiran-butiran yang dikehendaki dalam spesifikasi dan skop kerja yang tidak termasuk dalam Jadual Kadar Harga, harga butiran-butiran yang dikehendaki tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam mana-mana butiran dalam Jadual Kadar Harga.

d) Jumlah kuantiti dalam Jadual Kadar Harga adalah anggaran sahaja. Jumlah kuantiti sebenar akan ditentukan mengikut kerja yang dilaksanakan atau mengikut pesanan/tempahan yang dibuat.

7.0 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhak melantik lebih dari satu syarikat panel/pembekal.

8.0 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhak mendapatkan item/alat ganti daripada syarikat lain sekiranya Syarikat Panel tidak dapat membekalkan item/alat ganti yang diperlukan oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

9.0 TERMA DAN SYARAT

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhak meminda mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dalam kontrak/perjanjian dari masa ke semasa.

10.0 TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak adalah secara berkala selama tempoh dua (02) tahun dan boleh dilanjutkan jika prestasi Syarikat Panel adalah baik dan memuaskan pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

11.0 JUMLAH HARGA KONTRAK

Harga kontrak adalah dengan nilai siling perbelanjaan maksimum RM 150K setahun.

12.0 TOLAKAN/DENDA

Pihak Majlis berhak mengenakan denda sekiranya terdapat pelanggaran syarat atau suatu tindakan yang menjejaskan kepentingan kontrak ini. Denda adalah bernilai 0.025% daripada jumlah kontrak setahun.

13.0 DOKUMEN KONTRAK

Segala kos penyediaan dokumen kontrak/perjanjian dan perkara berkaitan dengannya adalah ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga yang telah dilantik sebagai Panel.

14.0 HAD KONTRAK

Kontrak akan tamat sekiranya telah mencapai yang mana dahulu antara tempoh kontrak atau siling maksimum perbelanjaan atau suatu arahan penamatan atas sebab-sebab tertentu. Kontrak boleh ditamatkan pada bila-bila masa sahaja oleh mana-mana pihak dengan memberi notis bertulis.

15.0 PENAMATAN KONTRAK

Penamatan Kontrak boleh berlaku sekiranya Syarikat gagal menyempurnakan arahan kontrak atau melanggar apa-apa hal berkaitan kepentingan kontrak.

JADUAL KADAR HARGA

SEBUT HARGA UNTUK PELANTIKAN PANEL BAGI KERJA MEMBEKAL ALAT GANTI KENDERAAN DAN JENTERA TERMASUK KERJA BERKAITAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

BIL.	BUTIRAN	UNIT	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
	<u>BAHAGIAN 1 : ALAT GANTI KENDERAAN RINGAN</u> MEMBEKAL ALAT GANTI KENDERAAN RINGAN TERMASUK KERJA BERKAITAN DENGANNYA				
A	KERETA/SUV/MPV				
A1	TOYOTA CAMRY 2.5V (A) PETROL, TAHUN 2013				
	<u>G1M 7366</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		
A2	PROTON PERDANA 2.0L V6 (A) PETROL, TAHUN 2002				
	<u>KV 7474 B</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		
A3	PROTON PERSONA 1.6L PREMIUM CVT, TAHUN 2023				
	<u>KFM 4004</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		

A4	HONDA CR-V 2.0L I-VTEC 4WD (A) TAHUN 2017				
	<u>KV 9044 D</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		
A5	NISSAN X-TRAIL 2.0L CVT 2WD (A) TAHUN 2017				
	<u>KV 9042 D</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		
	<u>KV 9043 D</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		
A6	NISSAN X-TRAIL 2.0L CVT 2WD (A) TAHUN 2021				
	<u>KET5151</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		
B	VAN				
B1	PERODUA RUSA 1.6L GX, TAHUN 1999				
	<u>KAX 1775</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		
B2	KIA PREGIO FPGDH55 DIESEL 2.7, TAHUN 2010				
	<u>KCU 9884</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		

B3	WESTSTAR MAXUS, DIESEL V80, TAHUN 2016				
	<u>KEG 7447</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		
B4	TOYOTA HIACE, PETROL 2.7, TAHUN 2013				
	<u>KDR 5550</u>				
1	Oil filter	Unit	1		
2	Fuel filter	Unit	1		
3	Air filter	Unit	1		
4	Brake pump	Unit	1		
